

**Warisan Kesenian Muzik Ghazal**

Mohd Zairul Masron  
Noorzulaikha Mat Zin  
Siti Aisyah Ashari  
Aliza Ismail

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

*Abstrak*

*Malaysia kaya dengan pelbagai jenis irama muzik, tarian dan persembahan tradisional. Antaranya ialah tarian kuda kepang, tarian zapin, inang, rodat, tarian mak yong, wayang kulit serta ghazal. Muzik tradisional tidak lapuk dek hujan tidak lekang dek panas. Setiap negeri di Malaysia mempunyai seni muzik tradisional tersendiri yang melambangkan ciri-ciri ataupun kebudayaan di daerah dan negeri masing-masing. Seni muzik ghazal merupakan muzik tradisional yang popular di negeri Johor. Muzik tradisional ghazal ini merupakan hasil perkembangan dan juga perdagangan negeri Johor dengan dunia luar pada zaman dahulu. Muzik ghazal ini asalnya daripada Tanah Arab dan disebarkan pula melalui pembesar-pembesar istana yang tertarik dengan seni muzik ini. Apabila sampainya ke Tanah Melayu, muzik diperkembangkan dan diolah mengikut adat dan ciri-ciri kemelayuan. Ghazal mempunyai nilai-nilai yang unik, lembut dan sesuai untuk semua jenis golongan untuk menghayatinya. Di dalam muzik ghazal itu sendiri, diselitkan pesanan atau nasihat yang berunsur kebaikan, nilai kasih sayang serta bertujuan untuk mendidik. Muzik ghazal juga mempunyai alatan muzik tersendiri berbeza dengan muzik yang lain. Sesetengah alat muzik tersebut berasal daripada Tanah Arab, India dan Parsi. Contohnya seperti gambus daripada Arab, tabla dan peti harmonium daripada India dan gitar daripada Parsi. Antara alatan lain ialah biola, marakas dan tambourin.*

*Kata kunci : Ghazal, Warisan, Muzik tradisional*

## Pengenalan

Muzik tradisional secara amnya bertujuan untuk hiburan dan mengiringi upacara adat tertentu dan juga merupakan sebagai lambang budaya sesuatu bangsa dan kaum. Irama muzik tradisional di Malaysia adalah hasil gabungan dan campuran pelbagai etnisiti di Malaysia. Unikunya di Malaysia terdapat pelbagai kaum dan etnik iaitu Melayu, Cina, India serta Bumiputera Sabah dan Sarawak bergabung menghasilkan alunan muzik nusantara yang unik. Muzik tradisional di Malaysia mempunyai latar belakang yang menarik dan berbeza, peralatan muzik yang berlainan serta alat muzik dimainkan sesuai dengan ritma tertentu. Muzik tradisional di Malaysia tidak akan lapuk dek zaman kerana masih terdapat penggemar dan pencinta muzik tradisional yang memperjuangkan seni muzik ini.

Seni muzik ghazal merupakan salah satu muzik tradisional dan merupakan satu kesenian tradisional masyarakat Melayu yang popular di negeri Johor. Asri (2008) menerangkan, pada peringkat awal, seni muzik ghazal ini disebut sebagai **Qamat** yang bererti nyanyian dan beruih rendah yang dipercayai berasal dari Semenanjung Tanah Arab dan dipengaruhi oleh budaya India. Perkataan 'ghazal' juga berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud 'bahasa kasih'. Secara etimologi, perkataan 'ghazal' secara harfiah merujuk pada "tangisan kematian seekor gazel". Haiwan berkenaan dipanggil *ghizal*. Ghazal adalah satu bentuk puisi tentang kesakitan akibat kehilangan seseorang yang dikasihi ataupun perpisahan dan keindahan cinta. Muzik ghazal dipercayai menyerupai Qasidah dan pengisiannya adalah mengenai tasawuf dan nilai kasih sayang.

Secara ringkasnya, seni muzik ghazal datang ke Malaysia dari Tanah Arab, Parsi dan seni muzik ini dipercayai dimainkan di istana. Di Johor, Dato' Bentara Luar iaitu Mohd Salleh Perang merupakan tokoh yang menyemarakkan lagi muzik ghazal ini. Pada ketika itu alatan yang digunakan adalah seperti gambus, biola, peti harmonium, tabla dan dol yang dikenali sebagai gendang. Pada tahun 1900, ghazal dipercayai dimainkan oleh anak-anak Melayu Johor dan gurunya berketurunan India bernama 'Alpa' iaitu merupakan seorang ustaz. Lagu-lagu yang dimainkan adalah seperti lagu Parsi dan Hindustan tulen.

### **Asal-Usul Seni Muzik Ghazal**

Ghazal adalah satu seni muzik yang telah wujud sejak berabad lamanya. Ghazal dipercayai telah wujud pada abad ke-8 (Suzan Ahmad, 2007). Ghazal berasal dari Bahasa Arab yang bermaksud puisi kasih ataupun bahasa kasih yang telah dipopularkan di timur tengah khususnya Parsi sebelum kedatangan Islam. Ia sangat popular pada zaman jahilliah masyarakat Arab. Muzik ghazal ini dikatakan berasal dari Parsi dek kerana sering dinyanyikan oleh pemuda yang sedang bercinta. Oleh sebab itulah ia dipanggil sebagai puisi kasih atau lebih tepat lagi bahasa kasih.

Selain itu, ghazal juga disebut sebagai qamat yang berasal dari perkataan Arab. Qamat bermaksud nyanyian dan riuh-rendah yang berasal dari Tanah Arab. Muzik ghazal ini dimainkan di majlis golongan bangsawan dan juga Sultan. Pada zaman Bani Umaiyah, penyanyi ghazal yang berasal dari Parsi dan Timur Tengah dibawa masuk untuk menghiburkan golongan raja. Mereka dibawa masuk sebagai hamba abdi untuk menghiburkan raja-raja.

Seterusnya, muzik ghazal ini mendapat sambutan sehingga ke India. Titik mulanya bermula di Istana Moghul. Muzik ini juga telah melebarkan sayapnya ke Asia Tenggara. Ghazal dijadikan sebagai muzik istana. Selepas itu, ghazal telah diperkenalkan ke serata tempat yang bermulanya dari Tanah Arab, Parsi, India dan Selatan Malaysia iaitu Johor. Ghazal selalunya dikaitkan dengan wayang bangsawan. Muzik ghazal dijadikan sebagai persembahan pembukaan bangsawan dan dijadikan juga sebagai muzik rakyat dan semakin berkembang dengan pesat dan popular di kalangan bangsa Melayu. Ini kerana persembahan ghazal sering dimasukkan ke dalam persembahan bangsawan.

Seni muzik ghazal dikatakan telah wujud di Semenanjung Malaysia pada tahun ke 1870-an iaitu sebelum rombongan Wayang Parsi ke Pulau Pinang (Rahmah Bujang & Nor Azlin Hamidon, 2002). Secara ringkasnya, susur ghazal datang ke Malaysia adalah dari Tanah Arab, Parsi (di istana), India (di istana dan diubahsuai), Riau-Lingga, Teluk Belanga (istana dan diubahsuai), Tanjung Puteri

(di istana dan diubahsuai sedikit), Batu Pahat (dimainkan di rumah penghulu dan ketua kampung dan ubahsuai) dan juga daerah-daerah di Johor.

Apabila hubungan erat di antara Kerajaan Riau-Lingga dengan Kerajaan Johor menyebabkan raja-raja dan golongan bangsawan Johor sering berulang-alik ke Riau. Jadi, mereka inilah yang sedikit sebanyak mempelajari ilmu seni muzik ghazal dan membawa pulang ke Kerajaan Johor kerana mereka berpendapat bahawa muzik ghazal ini sangat menarik. Pada masa itu, Kerajaan Johor berada di Teluk Belanga.

Seni muzik ghazal ini telah diminati ramai. Sultan, para pembesar, bangsawan dan juga rakyat jelata sangat meminati ghazal. Hal ini kerana muzik dan irama ghazal sangat merdu dan mengasyikkan rakyat jelata yang menyebabkan ghazal ini berkembang dengan pesat dan cepat sekali. Justeru itu, dengan berpindahnya Kerajaan Johor dari Teluk Belanga ke Tanjung Puteri dan sekaligus dapat memperkembangkan muzik ghazal.

Allahyarham Datok Bentara Luar dan Mohd Salleh bin Perang telah diperintahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor untuk membuka daerah-daerah lain di Johor dan mengembangkan muzik ghazal sekali. Dato' Bentara Luar telah membuka Batu Pahat pada tahun 1893 dan beliau juga telah menubuhkan Wayang Bangsawan. Wayang ini adalah sejenis bentuk nyanyian lagu-lagu Melayu.

Pada mulanya, kaum India menggunakan sharinggi, sitar, peti harmonium dan tabla. Alatan tersebut kemudian telah ditukar dengan alatan muzik Melayu seperti sitar digantikan dengan gambus dan sharinggi digantikan dengan gitar. Setelah mengikut peredaran zaman, alatan muzik ghazal telah ditambah. Contohnya, biola, kecapi Jepun atau mandolin. Secara kebetulannya, alatan biola dan juga mandolin pandai dimainkan oleh orang Melayu. Seni muzik dan alatan muzik ghazal dimainkan dan mengalami perubahan mengikut jiwa orang Melayu. Sedikit demi sedikit telah memberi idea-idea baru untuk diperkembangkan lagi.

Pendeta ghazal Melayu atau lebih dikenali sebagai Pak Lomak iaitu Allahyarham Kolonel Tuan Haji Musa bin Haji Yusof pandai bermain peti harmonium dan tabla dan beliau juga pandai menyanyi syair bahasa Parsi dan Hindustan. Beliau telah menggabungkan lagu-lagu melayu dengan gaya Parsi. Kemahiran tersebut dipelajari semasa beliau pergi berkursus sebagai tentera di India. Sekaligus telah melakukan penambahbaikan ke atas lagu tersebut yang telah menyebabkan ramai orang semakin mendekati seni muzik ghazal ini.

### **Jenis-Jenis Ghazal**

Merujuk kepada Hazlina Wati (2015), di Malaysia seni muzik ghazal terbahagi kepada dua jenis iaitu Ghazal Parti dan Ghazal Johor. Ghazal Johor terkenal di Selatan Semenanjung Malaysia, terutamanya di negeri Johor dan Ghazal Parti pula terkenal di Utara Semenanjung Malaysia, iaitu di Kedah dan Perak. Kedua-dua ghazal ini mempunyai keunikannya yang tersendiri.

Perbezaan antara Ghazal Parti dan Ghazal Johor adalah dari segi alat muzik yang digunakan, irama dan rentak lagu yang dimainkan. Dari segi alat muzik yang digunakan dalam Ghazal Parti ini adalah ghazal ini menggunakan alat muzik tambahan iaitu akordion selain daripada menggunakan tujuh alat muzik ghazal iaitu tambourin, marakas, biola, gambus, gitar, tabla dan peti harmonium. Bagi Ghazal Johor pula, alat muzik yang digunakan hanya tujuh alat muzik ghazal sahaja iaitu tambourin, marakas, biola, gambus, gitar, tabla dan peti harmonium. Berdasarkan Anwar Din (2007) ghazal Johor tidak menggunakan alat muzik tambahan seperti yang digunakan oleh Ghazal Parti. Kebanyakan lagu yang akan dipersembahkan adalah berbentuk lagu-lagu asli dan alat muzik ghazal Johor ada sesetengahnya tidak digunakan dalam ghazal Parti, iaitu seperti bonggo yang digunakan dalam muzik ghazal Parti manakala dalam ghazal Johor menggunakan tabla.

Dari segi rentak dan irama lagunya pula, terdapat perbezaan antara Ghazal Parti dan Ghazal Johor. Bagi Ghazal Parti ini rentak dan lagunya lebih kepada lagu-lagu Asli, lagu Joget dan lagu berunsur Arab. Lagu Asli dan lagu Joget ini banyak dipengaruhi dengan alat muzik tambahan yang digunakan iaitu akordion. Ghazal Johor pula, rentak dan irama lagunya lebih tradisional daripada Ghazal Parti dan

mempunyai lagu-lagunya yang tersendiri iaitu contohnya lagu Kuala Mersing, Kuala Danga dan Seri Parti. Selain itu, uniknya Ghazal Johor ini ialah ghazal ini boleh memainkan pelbagai rentak dan lagu seperti irama yang lemah gemalai, rancak dan sebagainya. Menurut Mohd Zamri Sabran (1995) dalam seni persembahan ghazal Johor ia akan diselitkan dengan pantun dan ada juga syair terutamanya apabila menyanyikan lagu-lagu yang rancak. Disamping itu, lagu-lagu yang dipersembahkan bukan sahaja lagu-lagu Melayu asli malah lagu-lagu seperti irama joget, zapin, masri dan sebagainya juga turut dimainkan.

### **Persembahan Muzik Ghazal**

Hazlina Wati (2015), pada zaman dahulu muzik ghazal ini amat terkenal sebagai alat untuk berhibur dan kebiasanya persembahan ghazal ini diadakan di majlis-majlis perkahwinan dan di hadapan Raja. Contohnya di negeri Johor, persembahan ghazal ini amat sinonim dengan majlis-majlis di istana dan di majlis-majlis besar golongan bangsawan. Adakalanya dalam persembahan ghazal ini diselitkan dengan majlis tari menari mengikut kesesuaian majlis dan juga muzik yang didendangkan. Selain itu, muzik ghazal ini juga dianggap sebagai alat untuk berhibur bagi masyarakat dahulu. Menurut beliau, selain mereka boleh berhibur, mereka juga dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama mereka. Hal ini kerana mereka saling bergaul dan saling bertukar-tukar pendapat mengenai muzik tradisional ini.

Pada masakini muzik tradisional seperti muzik ghazal ini semakin meluas, muzik ghazal ini tidak hanya dipersembahkan di majlis-majlis perkahwinan dan di istana sahaja, bahkan di majlis-majlis keramaian seperti majlis makan malam, majlis anugerah juga muzik ghazal ini di persembahkan. Hal ini membuktikan bahawa muzik tradisional seperti muzik ghazal ini tidak dilupakan dan menjadi alat untuk berhibur oleh masyarakat masa kini walaupun pada kini terdapat banyak teknologi canggih seperti internet, televisyen, komputer dan sebagainya.

Selain di majlis perkahwinan, istana dan majlis keramaian, muzik ghazal ini juga sering dipertandingkan. Hal ini membuktikan bahawa muzik ghazal ini semakin meluas dan semakin diminati dan diterima oleh golongan masyarakat masa kini. Pertandingan ghazal menjadi satu platform untuk memperkenalkan muzik ghazal

ini di mata dunia khususnya. Persembahan mahupun pertandingan, muzik ghazal yang disajikan dapat memperlihatkan dan memperkenalkan budaya dan muzik tradisional masyarakat Malaysia kepada dunia luar.

Pada kebiasaannya, lagu yang sering dipersembahkan tidak kiralah di majlis perkahwinan mahupun majlis keramaian ialah lagu ghazal itu sendiri seperti Kuala Mersing dan Kuala Danga dan selepas itu barulah diselitkan dengan lagu joget, lagu inang serta lagu asli. Lagu-lagu yang didendangkan juga biasanya mengikut permintaan majlis ataupun permintaan pihak penganjur. Selain itu, tempoh persembahan juga ditentukan mengikut kehendak majlis, contohnya majlis perkahwinan lebih kurang empat jam, iaitu daripada waktu tengahari sampai waktu petang. Jumlah lagu yang dimainkan juga mengikut permintaan sesuatu majlis, pada kebiasaannya lebih kurang empat puluh lagu yang akan dinyanyikan tetapi ini juga bergantung pada majlis yang dijalankan.

Dari segi pakaian pula, kumpulan ghazal biasanya akan memakai pakaian tradisional seperti baju Melayu, kalau di Johor Baju Melayu Teluk Belanga dan juga baju kurung, untuk membuat persembahan mahupun pertandingan. Adakalanya, mereka akan memakai baju batik tetapi ini mengikut kesesuaian majlis.

### **Perkembangan Muzik Ghazal di Malaysia**

Terdapat percanggahan pendapat tentang cara kedatangan seni muzik ghazal ke Malaysia. Percanggahan pendapat di antara Dato' Abdullah Bin Mohamed dan Adibah Amim. Dato' Abdullah bin Mohamed merupakan seorang peminat ghazal sebelum Perang Dunia Ke-2. Beliau berpendapat bahawa muzik ghazal mungkin telah dibawa oleh pedagang-pedagang India ke Tanah Melayu pada abad ke-19. Muzik ini telah dikembangkan ke kawasan Riau-Lingga oleh orang-orang bangsawan Melayu. Beliau juga mengatakan selepas Temenggong Abu Bakar berpindah dari Teluk Belanga ke Johor Bahru, mereka membawa ghazal bersamanya.

Beliau juga mendakwa bahawa di Johor, Datok Bentara Luar iaitu Mohamed Salleh Bin Perang telah memainkan peranan memperkembangkan lagi muzik

ghazal dengan lebih meluas apabila beliau diarah oleh Sultan Johor supaya membuka bandar-bandar baru. Antaranya, Muar, Batu Pahat dan Endau. Selain itu, hal ini berlainan dengan Adibah Amim yang mengatakan muzik ghazal berkait rapat dengan wayang Parsi dari India ke Johor pada awal abad ke-20. Beberapa pegawai seperti Kolonel Musa dan Kolonel Yahya yang tertarik dengan muzik ghazal yang dimainkan. Mereka telah berminat untuk mempelajari alat-alat muzik seperti peti harmonium dan tabla daripada kumpulan Parsi itu. Mereka menyanyi senikata pantun asli. Mereka juga telah menambahkan alatan muzik seperti gambus dan biola. Beliau berpendapat bahawa ghazal sangat popular di kalangan orang bangsawan dan orang berpangkat tinggi seperti para pembesar dan Sultan. Ianya berlaku pada dekad 1930-an. Tarikh dan masa yang khusus tidak dapat diketahui.

Melalui kedua-dua pendapat tersebut, boleh dikatakan bahawa muzik ghazal telah sampai ke Malaysia sekitar abad 19 dan awal abad ke 20. Persamaan daripada pendapat kedua-dua tokoh tersebut menyatakan bahawa muzik ghazal ini berasal dari India.

### **Nilai-Nilai Yang Terdapat Dalam Muzik Ghazal**

Muzik ghazal merupakan muzik tradisional Melayu yang bermula pada zaman dahulu kala. Muzik ghazal mempunyai nilai-nilai yang boleh dijadikan pengajaran dan patut dicontohi oleh generasi muda. Nilai-nilai yang terdapat dalam seni muzik ghazal ialah nilai tradisi, nilai akulturasi budaya, nilai keindahan muzik ghazal dan nilai pendidikan. Pertamanya, nilai tradisi dalam muzik ghazal. Muzik Melayu ghazal adalah muzik yang diwariskan sejak turun-temurun. Sebagai sebuah muzik tradisional, muzik Melayu ghazal dapat menjadi salah satu ukuran sejauh mana perkembangan peradaban masyarakat tersebut. Kemajuan ini dikatakan berkait rapat dengan sejauh mana sesuatu masyarakat itu mengembangkan potensi dan kemampuannya.

Selain itu, terdapat juga nilai lain dalam muzik ghazal iaitu nilai penyerapan unsur budaya daripada satu budaya ke budaya lain. Budaya ini merupakan perpaduan antara dua kebudayaan atau lebih akibat interaksi yang terjadi antara kelompok masyarakat yang memiliki kebudayaan tertentu. Hal ini difahamkan



bahawa akulturasi budaya ini tidak mempengaruhi budaya tertentu. Sebagai contohnya, walaupun muzik ghazal ini diperkembangkan dari Tanah Arab ke Tanah Melayu, namun ciri-ciri kemelayuan tetap ada dalam seni muzik ghazal. Mereka seiring dan berdampingan antara satu sama lain. Muzik ini merupakan gabungan dua budaya di mana kedua-dua unsur budaya bertemu tetapi tidak menghilangkan keaslian kedua-dua budaya. Melalui muzik ghazal ini juga budaya dan adat masyarakat melayu itu sendiri dapat diperkenalkan, contohnya melalui cara persembahan ghazal, lirik-lirik lagunya dan juga pakaian semasa membuat persembahan.

Seterusnya, nilai yang terdapat dalam muzik ghazal ialah nilai keindahan muzik itu sendiri. Muzik ini seringkali dimainkan secara kerjasama. Hal ini juga dinyatakan bahawa nilai ini ada dalam muzik Melayu ghazal. Keindahan ini dikira berdasarkan keselarasan dalam nada dan irama, kerjasama dan syair lagu tersebut. Keindahannya terletak pada syair lagu yang dimainkan dan secara spontan para pemain dalam mempersembahkan muzik Melayu ghazal ini. Lirik-liriknya juga ada yang berbentuk nasihat. Hal ini akan memberi manfaat kepada masyarakat yang mendengarnya.

Seterusnya, nilai yang terdapat dalam seni muzik ghazal ialah nilai pendidikan. Muzik ghazal juga memainkan peranan sebagai cara mendidik masyarakat. Hal ini kerana, syair-syair yang terdapat pada muzik Melayu ghazal, yang berbentuk puisi mahupun pantun, merupakan cerminan pandangan hidup dan kearifan masyarakat Melayu. Nilai-nilai kearifan tersebut dapat menjadi pedoman bagi generasi sekarang mahupun generasi yang akan datang. Selain itu, muzik ghazal sangat berperanan dalam memberi didikan kepada masyarakat melalui karya-karya seninya yang mempunyai pelbagai maksud yang tersirat dan tersurat.

### **Alat Muzik Yang Digunakan**

Menurut Hazlina Wati (2015) dalam seni muzik ghazal, terdapat tujuh alat muzik yang digunakan. Antaranya ialah peti harmonium, gambus, marakas, tabla, gitar, tambourin dan violin. Kebanyakan alat muzik ini di bawa daripada negara luar. Antara alat muzik yang di bawa dari luar ke Malaysia ialah tabla,

gambus dan peti harmonium. Tabla dan peti harmonium berasal dari India, manakala gambus berasal dari Arab. Dengan menggunakan alat muzik ini pengamal muzik ghazal tempatan memasukkan elemen kemelayuan dalam muzik ghazal supaya alunan serta iramanya sesuai dengan muzik Melayu.

Setiap alat muzik yang digunakan dalam muzik ghazal mempunyai fungsi yang tersendiri. Contohnya, gambus berfungsi sama seperti gitar tetapi bunyinya lebih mengasyikkan dan berfungsi untuk mencantikkan lagi alunan muzik ghazal. Cara memainkan alat muzik gambus ialah dengan cara dipetik seperti gitar.



*Gambar 1: Gambus*

Selain gambus, peti harmonium juga digunakan dalam muzik ghazal. Peti harmonium merupakan alat utama dalam muzik ghazal. Peti harmonium diperbuat daripada kotak kayu dan dibunyikan menggunakan angin. Alat ini dimainkan mengikut rentak bukannya menggunakan not. Alat ini lebih kurang sama dengan piano. Fungsi alat muzik peti harmonium dalam muzik ghazal ialah untuk mendendangkan lagu ghazal.



*Gambar 2: Peti Harmonium*

Selain itu, gitar juga digunakan dalam muzik ghazal ini. Fungsi gitar dalam muzik ghazal ini adalah memainkan melodi dan rentak dalam ghazal.



*Gambar 3: Gitar*

Marakas juga digunakan dalam muzik ghazal. Alatan ini diperbuat daripada labu kering atau kulit kering. Terdapat satu batang yang berbentuk silinder yang digunakan sebagai pemegang alat ini. Marakas mempunyai pelbagai bentuk. Antaranya, telur kecil, epal dan berbentuk panjang. Fungsi alat ini ialah untuk mengalunkan tempo dan rentak dalam muzik ghazal.



*Gambar 4: Marakas*

Selain itu, alat muzik yang digunakan dalam seni muzik ghazal ialah biola. Biola biasanya disebut sebagai viola/violin. Biola dimainkan dengan cara menggeseknya. Terdapat empat jenis biola iaitu biola kecil, biola menengah dan biola besar serta biola-bass. Perbezaan biola terletak pada ukurannya namun cara berbunyi sama sahaja.



Gambar 5: Biola/Violin

Tabla juga digunakan dalam muzik ghazal. Alat muzik ini digunakan dalam muzik klasik oleh orang India. Tabla mempunyai gendang tangan yang berbeza saiz. Yang kecil dinamakan *Din* dan yang besar dinamakan *Bam*. Ia digunakan untuk memainkan rentak, irama dan tempo dalam muzik ghazal. Tabla diperbuat daripada tembaga ataupun tanah liat. Saiz drum adalah sepuluh setengah inci. Diameter di bawah kira-kira di dalam tujuh atau lapan inci. Tetapi permukaannya berbeza.



Gambar 6: Tabla

Selain itu, alat muzik yang digunakan semasa menyanyi ghazal ialah tambourin. Ia digunakan untuk memainkan rentak dan tempo.



Gambar 7: Tambourin

### **Pertandingan Ghazal Dalam Negeri Johor**

Menurut Hazlina Wati (2015), ghazal sama seperti muzik yang lain sering dipertandingkan. Pertandingan ghazal ini diadakan setiap tahun bagi mengasah bakat terpendam sambil mempromosikan ghazal supaya seni muzik tradisional ghazal ini tidak disia-siakan begitu sahaja oleh generasi akan datang. Oleh itu, pertandingan sepatutnya diadakan dengan lebih kerap.

Pertandingan seni muzik ghazal ini mempunyai empat kategori. Kategori-kategori tersebut adalah kategori terbuka, kategori harapan, kategori sekolah menengah dan kategori sekolah rendah. Bagi kategori terbuka, peserta terdiri daripada umur dua puluh tahun ke atas. Manakala, bagi kategori harapan pula, peserta yang menyertai adalah dari golongan yang berumur lima belas tahun hingga dua puluh tahun. Seterusnya, kategori sekolah menengah pula, dari tingkatan satu (1) hingga lima (5). Di samping itu, terdapat juga kategori sekolah rendah di mana peserta yang terlibat ialah dari darjah satu (1) hingga darjah enam (6). Peserta yang menghadapi peperiksaan digalakkan menyertai tapi haruslah pandai membahagikan masa di antara belajar dan juga ko-kurikulum.

Tambahan lagi, jumlah kumpulan yang terlibat bergantung kepada penyertaan dari seluruh negeri Johor. Jumlah penyertaan tidak terhad dan boleh disertai dan dialu-alukan oleh pihak penganjur. Menurut Hazlina Wati (2015), bagi kategori harapan penyertaan biasanya dalam lima (5) atau enam (6) buah kumpulan. Kategori sekolah menengah dan sekolah rendah pula, jumlah penyertaan adalah terdiri daripada sekolah-sekolah yang dibekalkan bantuan mengajar dan alatan ghazal. Contohnya, di daerah Muar dan Batu Pahat.

Penganjur yang terlibat dalam menganjurkan pertandingan tersebut ialah Yayasan Warisan Johor. Yayasan inilah yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan kos dan memantau latihan tenaga pengajar untuk menambah ilmu yang sedia ada. Semua perkara yang berkaitan dengan warisan seni muzik ghazal diuruskan oleh yayasan tersebut.

Kebiasannya, pertandingan seni muzik ghazal akan diadakan di negeri Johor. Kebanyakan pertandingan ghazal diadakan di bandar Johor Bahru iaitu di Dewan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Selain itu, pertandingan juga diadakan di daerah-daerah lain di negeri Johor. Antaranya daerah Batu Pahat, Muar dan Pontian. Hal ini kerana memudahkan penduduk Johor untuk menyaksikan pertandingan ghazal tersebut. Oleh itu, pertandingan diadakan secara bergilir-gilir dengan daerah-daerah lain. Penggiliran penganjuran pertandingan memberi peluang kepada para penduduk untuk menyaksikan pertandingan dengan lebih dekat.

Pertandingan seni muzik ghazal bukan hanya disertai oleh kumpulan di sekitar Johor sahaja malah terdapat juga kumpulan dari luar Johor yang menyertainya. Antaranya ialah kumpulan yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Teknologi MARA. Selain itu, wakil daripada negeri lain turut menyertai pertandingan ghazal seperti negeri Selangor, Kelantan dan Terengganu. Yayasan Johor juga telah menghantar tenaga pengajar ke institut pengajian tinggi untuk mengajar pelajar-pelajar universiti mengenai seni muzik ghazal. Setelah pelajar-pelajar tersebut mahir dalam menyanyi, bermain alat muzik tradisional ghazal, barulah mereka layak ke pertandingan. Kebanyakan pelajar yang terlibat dengan muzik ghazal ini bukan sahaja ingin menyertai pertandingan tetapi mereka juga ingin mengasah dan menambah ilmu mengenai seni muzik tradisional ini.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, muzik ghazal ini mempunyai keunikan dan keaslian irama muzik melayu yang tersendiri. Justeru itu, golongan generasi muda seharusnya dapat belajar dan menghayati seni muzik tradisional ini. Muzik ghazal ini haruslah diperkembangkan mengikut peredaran zaman supaya generasi muda akan tertarik untuk meminati dan mempelajari seni muzik ghazal. Selain itu, pelbagai pihak haruslah memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan seni muzik ghazal, contohnya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) haruslah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada perkembangan dan mengkomersialkan muzik ghazal ini dengan lebih meluas.

**Bibliografi**

- Anwar Din ( 2007). *Asas kebudayaan dan kesenian Melayu*. Bangi: UKM.
- Arkib Negara Malaysia (2011). Majlis Sembang Sejarah Ghazal: Tranformasi Berjaya, Warisan Dipelihara. *Puspawangsa: Berita Arkib Negara Malaysia*, 8,6.
- Asri (2008). *Selayang Pandang Muzik Melayu Ghazal*, Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Azhar Abdul Latiff (2010). *Peranan Alat Muzik Tradisional Melayu dalam Proses Komunikasi*, Technology and Engineering Department, AMP Radio Network ASTRO, Kuala Lumpur.
- Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Mohammad (1994). *Siri penentuan popular: Muzik & nyayian tradisi melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (2003). *Rodat*
- Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (2003). *Gambus*
- (Hazlina Wati Zainuddin, temubual peribadi, 22 Oktober 2015).
- Kamarudin Yusoff (2008). *Teknik permainan serunai dalam konteks pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional wayang kulit Kelantan*. Sarjana Pendidikan Muzik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak.
- Merina Prihatina Nainggolan (2012). *Musik Tradisional Melayu di Taman Budaya Sumatra Utara Medan*, Fakultas Bahasa dan Seni, Universitas Medan.
- Mohd Nizam Attan ( 2013). *Gambus: Tinjauan Awal berdasarkan Gaya Permainan di Johor*, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak.
- Mohd Zamri Sabran (1995). *Nilai estetika dalam ghazal & kepelelingan*. Warisan Budaya Utara Selatan. Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman. 181.
- Rahmah Bujang & Nor Azlin Hamidon (2002). *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur.
- Suzan Ahmad (11 November 2007). Muzik ghazal berasal dari Parsi. *Berita Minggu*, 12.

Zuraidah Abdullah & Qurratu' Aini Adibah Ahmad Fazil ( 2010). Dari ruang istana ke ruang digital: Pembangunan perpustakaan digital warisan kesenian muzik. *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia*. 8, 21-34.